AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : COVID-19

# 3 kematian semalam

## *Kes baharu 935 manakala sembuh tertinggi catat 2,555 kes*

**Oleh Amir Abd Hamid**
amir_hamid@mediaprima.com.my

**Kuala Lumpur**

"Sebanyak 935 kes baharu Covid-19 direkodkan semalam dengan tiga kematian," kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Bagaimanapun, beliau berkata, bilangan kes sembuh sebanyak 2,555 kes iaitu tertinggi setakat ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya adalah 49,056 kes (80.7 peratus daripada jumlah keseluruhan).

Menurutnya, kes baharu itu menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia sebanyak 60,752 kes manakala jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan pula adalah 11,348 kes.




"Terdapat empat kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara dan 931 kes adalah penularan Covid-19 dalam negara.

"Hari ini, Sabah melaporkan kes harian tertinggi iaitu sebanyak 326 kes (34.9 peratus), diikuti Selangor sebanyak 161 kes (17.2 peratus) dan Negeri Sembilan 158 kes (16.9 peratus)," katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 103 kes (11.0 peratus) dilaporkan adalah berkaitan kluster di lokap dan penjara membabitkan Kluster Bakti (95 kes), Kluster Tembok (5 kes), Kluster GK Tawau (2 kes) dan Kluster Penjara Kepayan (1 kes).

Beliau berkata, sehingga kini, terdapat 110 kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) yang mana 45 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Katanya, tiga kematian yang dilaporkan semalam membabitkan dua wanita dan seorang lelaki warganegara berusia 59 hingga 77 tahun.

"Kematian ke 346 membabitkan wanita berusia 70 tahun yang meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent, Sabah manakala kematian ke-347 membabitkan seorang lelaki berusia 59 tahun yang menghidap darah tinggi dan asma.

"Lelaki itu meninggal di Hospital Queen Elizabeth. Sementara kematian ke 348 membabitkan seorang wanita berusia 77 tahun yang menghidap kencing manis serta darah tinggi dan kematiannya disahkan di Hospital Tawau," katanya.